SAMPEL PERCUMA

Modul Khas STPM 2023 Sejarah Islam Semester 2 Pulau Pinang + Jawapan

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

940/2 STPM 2023

SEJARAH ISLAM

KERTAS 2

(Satu jam setengah)

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PULAU PINANG

MODUL KHAS
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

Arahan kepada calon:

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.

Jawab tiga soalan sahaja.
Markah untuk tiap-tiap soalan diberikan dalam tanda kurung [ ].
Kertas soalan ini mengandungi 60 markah.

*Jawab **tiga** soalan sahaja.*

1. Jelaskan struktur masyarakat Arab pada zaman jahiliah. [20 markah]

2. Khalifah Abu Bakar as-Siddiq dianggap sebagai penyelamat umat dan negara Islam Madinah. Bincangkan. [20 markah]

3. Huraikan pelaksanaan cukai pada zaman Khalifah Abbasiyah dari abad ke-9 hingga ke-11 Masihi. [20 markah]

4. Nilaikan sumbangan intelektual al-Khwarizmi dalam bidang matematik dan astronomi. [20 markah]

5. Jelaskan reaksi masyarakat tempatan terhadap penjajahan Perancis di Algeria pada abad ke-19 Masihi. [20 markah]

6. Bincangkan faktor dalaman yang mempercepatkan pembentukan negara bangsa Turki dari tahun 1856 hingga tahun 1918. [20 markah]

SOALAN 1 :

JELASKAN STRUKTUR MASYARAKAT ARAB PADA ZAMAN JAHILIAH.

PENDAHULUAN

1. Masyarakat jahiliah merujuk kepada masyarakat yang hidup pada zaman sebelum kedatangan Islam. Sebahagian besar masyarakat jahiliah tidak tahu membaca dan menulis.
2. Jahiliah merujuk kepaada kejahilan dalam aspek kerohanian, keagamaan, kemanusiaan dan keilmuan. Jahiliah dalam al-Quran bermaksud sesuatu yang bertentangan dengan Islam sama ada agama, sistem hidup, amalan ritual,akhlak,peraturan ekonomi, sosial dan sebagainya.
3. Dalam konteks masyarakat Semenanjung Tanah Arab, zaman jahiliah berlaku selepas keruntuhan Kerajaann Saba' dan berakhir selepas turunnya al-Quran dan Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul pada tahun 610 M.
4. Masyarakat ini mempunyai struktur dan susunan masyarakatnya yang tersendiri serta unik.

ISI-ISI UTAMA

1. Struktur Asas Masyarakat Arab

- Masyarakat Arab pada zaman jahiliyah terbahagi kepada 2 golongan iaitu Arab Badawi dan Arab Hadari

  Masyarakat Arab Badawi, juga dikenali sebagai Bedouin, merupakan kumpulan etnis yang tinggal di wilayah-wilayah padang pasir di Timur Tengah, termasuk di negara-negara seperti Arab Saudi, Yordania, Suriah, Mesir, dan beberapa negara di Teluk Persia. Masyarakat Arab Badawi mempunyai tradisi dan gaya hidup yang unik yang sangat berkaitan dengan lingkungan gurun di mana mereka tinggal.
- Tradisionalnya, masyarakat Arab Badawi hidup sebagai penggembala dan pengembara yang mempunyai kehidupan nomad. Mereka hidup dalam kelompok-kelompok kecil yang dikenali sebagai kabilah. Kehidupan masyarakat Arab Badawi sangat tergantung pada penternakan, terutama unta, yang memberikan mereka makanan, pengangkutan, dan sumber penghasilan yang lain.
- Masyarakat Arab Badawi mempunyai budaya yang kaya dan warisan tradisional yang penting bagi identiti mereka. Mereka mempunyai muzik tradisi, puisi lisan, tarian, dan seni kraf tangan yang unik. Mereka juga mengekalkan sistem nilai-nilai sosial dan etika yang kuat, seperti keberanian, keramahan terhadap tamu, dan rasa hormat terhadap ketua .
- Masyarakat Arab Hadari, juga dikenali sebagai Arab perkotaan atau Arab "hadarah", merujuk kepada kelompok orang Arab yang tinggal di kota-kota moden dan terpengaruh oleh perkembangan sosial, ekonomi, dan budaya moden. Istilah "hadari" berasal dari kata Arab "hadar", yang bermaksud "peradaban" atau "kemajuan"
- Masyarakat Arab Hadari biasanya tinggal di pusat-pusat bandar di Semenajung Tanah Arab, seperti yaman, Hadramaut, Mekah, Madinah dan Najd. Mereka hidup mewah dan petempatan kekal. Mereka juga menjalankan kegiatan ekonomi seperti perdagangan, pertukangan dan pertanian. Mempunyai hubungan dengan dunia luar.
- Struktur masyarakat Arab ini berasaskan sistem kabilah yang mementingkan pertalian darah dan keturunan. Setiap kabilah mempunyai Sheikh kabilah yang bertanggungjawab melindungi kabilah masing masing. Sikap ini telah melahirkan ikatan kekeluargaan yang erat sehingga melahirkan semangat assabiyah.

2. Struktur Masyarakat Di Mekah

- Pada zaman jahiliah, masyarakat Arab Makkah terdiri daripada pelbagai kabilah, antaranya kabilah Quraisy.Bani Hashim dan Bani Umayyah merupakan kabilan Arab Quraisy paling berpengaruh. Mereka menguasai pentadbiran kota Makkah. Peralihan kuasa adalah secara warisan.
- Dalam struktur masyarakat Makkah, terdapat golongan merdeka dan hamba.
- Golongan merdeka terdiri daripada para bangsawan, agamawan seperti ahli kitab dan pendeta, golongan masyarakat biasa seperti para peniaga, pedagang dan petukang, golongan wanita dan golongan hamba.
- Golongan bangsawan dan agamawan merupakan mereka yang dihormati dan dipandang mulia dalam masyarakat.Mereka merupakan golongan pembesar yang terlibat dengan mesyuarat pentadbiran kota Makkah di Darul Nadwah
- Meskipun Kebanyakan golongan wanita dipandang rendah, namun terdapat juga segelintir mereka mempunyai status sosial yang tinggi seperti Siti Khadijah binti Khuwailid dan Hindun binti Utbah yang merupakan wanite berpengaruh dan kaya.
- Golongan hamba dipandang hina dan mempunyai status terendah dalam kalangan masyarakat. Mereka terdiri daripada tawanan perang ataupun keturunan. Hamba adalah satu komoditi yang boleh dijual beli. Hamba pad zaman jahiliah tidak memiliki harta dan harus mengikut perintah tuannya. Hamba-hamba boleh dibebaskan oleh tuan mereka dan menjadi orang yang merdeka. Tuan yang mempunyai ramai hamba dikatakan mempunyai status sosial yang tinggi.

3. Struktur Masyarakat Di Madinah

- Masyarakat jahiliah Madinah sebelum Islam terdiri daripada dua golongan utama iaitu Arab dan Yahudi. Kaum Arab terdiri daripada Aus, Khazraj manakala Yahudi pula terdiri daripada bani Qainuga, bani Nadir dan bani Quraizah.
- Kaum Aus dan Khazraj sentiasa bermusuhan akibat dilagakan oleh golongan Yahudi yang menguasai ekonomi Madinah.
- Masyarakat Madinah mengamalkan Sistem al-Mala' iaitu tiada pemimpin utama. Situasi ini membawa kepada konflik berpanjangan antara kaum Arab kerana ingin menjadi pemimpin utama. Keadaan ini berakhir apabila Nabi Muhammad SAW dijemput menjadi pemimpin utama Madinah.
- Sistem al-Mala in berbeza dengan pentadbiran kota Makkah di mana wujud Darul Nadwah dan syeikh-syeikh kabilah yang menganggotai Majlis Kabilah yang bertanggungjawab memastikan keamanan dan menyelesaikan isu-isu yang timbul di kalangan penduduk Makkah.

4. Status Sosial

- Struktur masyarakat Arab jahiliah memandang kepada status individu.
- Status anggota masyarakat bergantung kepada kedudukan kabilah. Seseorang itu dipandang tinggi jika dia daripada kabilah yang berkedudukan tinggi dan sebaliknya.
- Selain itu, kebolehan yang dimiliki juga menentukan status seseorang. Seseorang itu dipandang mulia jika dia boleh berpidato, bersyair dan mahir bermain senjata.
- Kedudukan kaum wanita kebanyakannya tidak diberikan tempat atau kedudukan yang sewajarnya dalam masyarakat. Kaum wanita tidak mempunyai hak untuk mewarisi harta pusaka.

- Segelintir masyarakat Arab jahiliah mengamalkan perbuatan menanam bayi perempuan hidup-hidup kerana beranggapan anak perempuan boleh menjatuhkan maruah dan membawa sial.

KESIMPULAN

1. Struktur Masyarakat Arab jahiliah yang sistematik ini membolehkan mereka mencapai ketamadunan dalam pelbagai bidang kehidupan, antaranya pentadbiran, pertanian, perdagangan dan seni bina. Sebahagian tinggalan tamadun mereka masih mengagumkan kita hingga ke hari ini.
2. Pencapaian ketamadunan berkenaan menafikan pelbagai tuduhan negetif sejarawan Barat terhadap bangsa Arab jahiliah

SOALAN 2 :

KHALIFAH ABU BAKAR DIANGGAP PENYELAMAT UMAT DAN NEGARA ISLAM. BINCANGKAN.

PENDAHULUAN

1. Nama sebenar Khalifah Abu Bakar ialah Abdullah bin Quhafah al-Tamimi yang merupakan sahabat terkanan Nabi Muhammad SAW . Beliau terkenal dengan gelaran as-Siddiq kerana sentiasa membenarkan dan meyakini perjuangan nabi terutama peristiwa Israk dan Mikra
2. Beliau seorang yang lemah lembut dan banyak mengorbankan harta benda demi agama terutama ketika umat Islam menghadapi pemulauan kaum Quraisy Makkah
3. Beliau dilantik menjadi khalifah pertama kerajaan Islam pada tahun 11H dan hanya memegang teraju pemerintahan negara selama dua tahun. Walaupun singkat, beliau berjaya menyelesaikan pelbagai masalah politik, ekonomi dan sosial dan sebagainya sehingga berjaya dianggap penyelamat negara dan umat Islam.

ISI-ISI UTAMA

1. Menyelesaikan Isu Berkaitan Kewafatan Nabi Muhammad SAW

- Khalifah Abu Bakar berjaya menyelesaikan isu berkaitan kewafatan nabi sama ada isu keimanan dan isu lokasi pemakanan jasad Rasulullah SAW. Abu Bakar telah membaca nas-nas al -Quran dan al-Hadis untuk menyelesaikan isu ini.
- Krisis keimanan bahawi nabi telah wafat diselesaikan melalui petikan Surah Ali Imran ayat 144, sementara isu lokasi pemakaman diselesaikan apabila beliau menyatakan nabi dan rasul terlebih dahulu dimakamkan di tempat mereka wafat. Sehubungan dengan itu, jasad baginda Rasulullah SAW disemadikan di Madinah.

2. Menyelesaikan Isu Pengganti Kepimpinan Nabi Muhammad SAW.

- Rasullulah tidak meninggalkan wasiat siapa bakal penggantinya. Keadaan ini sedikit sebanyak menggugat perpaduan umat Islam selepas kewafatannya. Terdapat tiga golongan yang berminat dengan kepimpinan negara islam iaitu golongan Ansar, Muhajirin dan Bani Hashim.

SOALAN NO 3:

HURAIKAN PELAKSANAAN CUKAI PADA ZAMAN KHALIFAH ABBASIYAH DARI ABAD KE-9 HINGGA KE-11 MASIHI.

Pendahuluan

- Pada zaman Khalifah Abbasiyah kegiatan ekonomi berkembang dengan pesat. Kota Baghdad muncul sebagai pusat perdagangan paling strategik dan terpenting di Timur dan Barat. Sistem pencukaian semakin mantap dengan penubuhan beberapa institusi untuk menguruskan pencukaian kerajaan.
- Wujud dua diwan, *Diwan al Jund* (Jabatan Ketenteraan) dan *Diwan al Kharaj* (Jabatan Percukaian). Institusi ini diketuai oleh seorang pegawai tadbir yang bertanggungjawab menjalankan urusan mengikut keperluan negara.
- Sistem percukaian pada zaman kerajaan ini meliputi tiga sumber utama iaitu kharaj, jizyah dan usyur.

Isi- Isi Utama

1. Diwan al-Kharaj

- Merupakan Jabatan Percukaian Negara yang mengendalikan pentadbiran cukai tanah yang mengeluarkan hasil pertanian. Diketuai oleh pegawai yang berkuasa melantik wakil-wakil pemungut cukai mengikut kawasan.
- Hasil pungutan kharaj begitu tinggi dan menjadi penyumbang utama sumber baitulmal negara. Sektor pertanian menjadi nadi kepada jentera pentadbiran kerajaan Abbasiyah.
- Khalifah al-Mahdi menubuhkan Jabatan Akauntan Negara untuk mengawal selia setiap akaun bagi setiap jabatan khasnya mengenai hasil pungutan dan perbelanjaan.
- Penubuhan jabatan ini bersesuaian dengan situasi semasa memandangkan sektor pertanian merupakan bidang yang diceburi majoriti penduduk.
- Khalifah Harun al-Rasyid mengarahkan Abu Yusuf bin Yaaqub, Qadhi Besar Baghdad menyusun segala peraturan percukaian. Telah menghasilkan kitab al Kharaj yang menjelaskan peraturan percukaian termasuk kadar yang harus di bayar.

2. Pelaksanaan Kharaj

- Kadar Kharaj tidak sama antara kawasan. Setiap unit tanah pertanian biasanya dikenakan kharaj minima sebanyak 10 dirham dan dilaksanakan semasa pemerintahan Khalifah Abu Jaafar al-Mansoor.
- Kadarnya mengikut lokasi kawasan, kualiti tanah, penggunaan alat siraman dan kualiti benih. Bayaran Kharaj dibayar dalam bentuk mata wang dan harta benda seperti haiwan ternakan dan hasil tanaman.
- Syarat-syarat tanah dikenakan kharaj antaranya ialah pemilik tanah golongan zimmi, tanah kharaj yang disewa atau dipajak. Pengecualian kharaj diberikan jika tanaman musnah akibat bencana alam.
- Sistem percukaian Muqasamah iaitu cukai sebahagian hasil pertanian diperkenalkan oleh Khalifah al-Mahdi. Kharaj satu sumber terpenting Baitumal ekoran kemajuan pesat ekonomi dalam pertanian.
- Pada zaman Khalifah al Makmun, cukai kharaj dikutip di Iraq berjumlah 27.8 juta dirham manakala wilayah Khurasan, sebanyak 28 juta dirham.

SOALAN 4 :

NILAIKAN SUMBANGAN INTELEKTUAL AL-KHWARIZMI DALAM BIDANG MATEMATIK DAN ASTRONOMI

PENDAHULUAN

1. Nama sebenar al-Khwarizmi ialah Muhammad bin Musa al-Khwarizmi. Beliau berbangsa Parsi dan dilahirkan pada tahun 780 Masihi di Khwarizm (Khiva, Ubekistan)
2. Al Khwarizmi seorang tokoh intelektual Islam yang menguasai pelbagai disiplin ilmu termasuk falsafah, logik aritmetik, geometri, muzik dan sebagainya. Ketokohan beliau dalam ilmu matematik diiktiraf pemerintah kerajaan Abbasiyah. Beliau pernah berkhidmat sebagai pakar matematik di Baitul Hikmah pada zaman Khalifah Harun al-Rashid dan pengarah Arkib di perpustakaan istana pada zaman Khalifah al-Makmun.
3. Beliau dilantik sebagai Penasihat Astronomi dan Ahli Falak Diraja pada zaman pemerintahan Khalifah al-Makmum. Sebuah balai cerap dibina khas untuk beliau membuat kajian ilmu bintang.
4. Di Eropah, al-khawarizmi dikenali sebagai al-Goritmi, al-Gorismi, al-Karismi atau al-Cowrizmi. Al-Khwarizmi digelar sebagai Bapa Matematik Moden kerana sumbangan besar dalam bidang matematik.

ISI-ISI UTAMA

Sumbangan Dalam Bidang Matematik.

1. Hasil Karya Matematik

- Karya teragung dalam bidang matematik ialah ***Mukhtasar Fi Hisab al-Jabar wal-Muqabalah***. Karya ini dihasilkan pada tahun 850 masihi atas dorongan Khalifah al-Makmum. Perbincangan yang dimuatkan di dalam karya ini merangkumi topik-topik algebra yang membantu masyarakat awam dalam menguruskan hal ehwal ilmu faraid, wasiat, perniagaan, pembahagian pusaka, menghuraikan istilah-istilah yang diguna pakai dalam disiplin algebra seperti punca-punca kuasa serta persamaan linear dan kuadratik. Bentuk pengiraan menggunakan simbol dikenali sebagai algebra dalam bidang matematik moden. Buku ini telah diterjemahkan ke bahasa Latin dan menjadi rujukan penting pelbagai universiti di Eropah sejak abad ke 12 hingga ke 16 Masihi.
- Karya ***al-Jami wa al-Tariq bi Hisab al-Hind*** (penambahan dan pengurangan menurut perhitungan Hindu). Membincangkan tentang masalah aritmetik iaitu satu bidang matematik yang dipanggil ilmu persamaan. Karya ini berjaya memperkenalkan sistem algorism kepada dunia barat.
- Karya ***al-Maqala Fi Hisab al-Jabr wa al-Muqabilah dan al-Amal bi Usturlab.***
- ***Kitab al-Ard*** (The Image of Earth @ kenampakan permukaan bumi). Kandungannya berkisar tentang Matematik dan geografi iaitu tentang kedudukan koordinat kota-kota termasuk laut Mediteranean, daftar lintang dan bujur serta zon cuaca. Karya ini telah diterjemahkan kepada pelbagai Bahasa dunia termasuk peta-petanya.

2. Mempelopori Ilmu Algebra Moden.

- Karya ***al-Mukhtasar fi Hisab al-Jabr wa al-Muqabalah*** menjadi rujukan penting dan permulaan perkembangan ilmu algebra moden. Dalam karya ini terdapat lebih 800 contoh

SOALAN 5 :

JELASKAN REAKSI MASYARAKAT TEMPATAN TERHADAP PENJAJAHAN PERANCIS DI ALGERIA PADA ABAD KE-19 MASIHI.

PENDAHULUAN

1. Abad ke-16 hingga 19 Masihi, Algeria merupakan sebahagian wilayah Turki Uthmaniyah.
2. Kekayaan sumber alam khasnya minyak dan gas serta lokasi geografi yang strategik di Mediterranean menyebabkan kuasa imperialisme berusaha menguasai negara tersebut.
3. Penjajahan Perancis terhadap Algeria pada 1830 telah membangkitkan penentangan rakyat.

ISI-ISI UTAMA

1 Gerakan Husain Dey (1818-1830)

- Husain Dey merupakan pemerintah Algeria terakhir yang dilantik oleh kerajaan Turki Uthmaniyah.
- Beliau berhasrat menuntut hutang tertunggak dalam urusan pembelian gandum dari Perancis namun pihak Perancis enggan membayarnya.
- Tindakan Husain Dey yang tidak mahu memberikan penghormatan kepada bendera Perancis menyebabkan Perancis menggiatkan lagi usaha untuk menguasai Algeria.
- Ketua tentera Perancis iaitu Bertrand Clauzel talah membawa masuk ramai peneroka Eropah ke Algeria.
- Mereka telah menduduki kota-kota Algeria, membuka ladang-ladang dan merampas tanah penduduk tempatan.
- Mereka turut menceroboh masjid dan perkuburan umat Islam.
- Tindakan Perancis menyebabkan Husain Dey memimpin gerakan penentangan, namun menemui kegagalan.

2. Gerakan Ahmed Bey, Pemimpin Kawasan Constantine.

- Di bahagian timur Constantine, Ahmad Bey melancarkan gerakan penentangan terhadap penjajahan Perancis.
- Perancis kehilangan hampir seribu tenteranya apabila Clauzel cuba menakluki Constantine yang dikuasai Ahmed Bey.
- Apabila angkatan laut Perancis berjaya menyekat angkatan Uthmaniyah, yang cuba membantu Ahmed Bey pada 1837, beliau terpaksa menyerah kalah.
- Namun, Ahmad Bey enggan masih enggan mengiktiraf kekuasaan Perancis di Constantine kerana menjangkakan bahawa Perancis akan membiarkan pemerintah tempatan memerintah di sana. Namun situasi tidak berlaku seperti yang diharapkan.

3. Gerakan Syeikh Abdul Qadir Al-Jazairi, Gabenor Mascara (1830 an-1840 an)

- Syeikh Abdul Qadir al-Jazairi seorang ulama yang menguasai ilmu Islam dan berkarisme sebagai pemimpin ummah.
- Idea penentangan bermula ketika beliau mengerjakan haji dan berjumpa dengan Iman Shamil pemimpin dan pejuang Chehnya.
- Mereka membincangkan politik dan nasib umat Islam di negara masing-masing dan sekembalinya beliau ke Algeria, beliau berjuang menentang Perancis.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar